**PENOLONG PEGAWAI TANAH GRED NT29**

- **Kumpulan:**Pelaksana
- **Jadual Gaji:**

| GAJI MINIMUM | GAJI MAKSIMUM | KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN |
|---|---|---|
| RM1,493.00 | RM5,672.00 | RM145.00 |

**SYARAT LANTIKAN:**

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

   a. warganegara Malaysia;
   b. berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
   c.
   i. Sijil dalam bidang ukur tanah atau perancang bandar dan wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada politeknik tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
   (Gaji permulaan ialah pada Gred NT29: RM1,493.00); atau
   ii. diploma dalam bidang ukur tanah, perancang bandar dan wilayah atau bidang berkaitan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
   (Gaji permulaan ialah pada Gred NT29: RM1,846.15)

- **SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU**
  Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **Kepujian** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- **DESKRIPSI TUGAS :**

Bertanggungjawab menerima dan memproses permohonan pengambilan balik tanah untuk projek-projek Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Agensi-agensi Kerajaan, mengawasi pelaksanaan kerja-kerja penempatan dan memperakukan kepada Pemungut Hasil Tanah atau pengesahan pelan-pelan yang disediakan oleh Jabatan Ukur bagi penempatan terakhir, memproses permohonan tanah, lesen pendudukan sementara dan permit, terlibat dalam urusan pendaftaran hak milik dan urusan tanah, urusan penguatkuasaan dan tugas-tugas lain yang diarahkan.